



# **SIARAN MEDIA**

## *MEDIA RELEASE*

---

### **LAPORAN**

### **KAJIAN TENAGA KERJA (KTK) 2023**

### *REPORT OF THE*

### *LABOUR FORCE SURVEY (LFS) 2023*

Jabatan Perangkaan  
Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik  
Kementerian Kewangan dan Ekonomi

Department of Statistics  
Department of Economic Planning and Statistics  
Ministry of Finance and Economy



**SIARAN MEDIA**  
**JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK**  
**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

Tarikh: Jun 2024

**5.1 PERATUS KADAR PENGANGGURAN**  
**BAGI UMUR 18 TAHUN DAN KE ATAS**

1. Jumlah penduduk bekerja yang berumur 18 tahun dan ke atas dalam Kajian Tenaga Kerja (KTK) 2023 adalah seramai 216,000 orang dan sebahagian besar pekerja adalah pekerja tempatan seramai 152,600 orang (70.6 peratus).
2. Bagi kadar penyertaan tenaga kerja (*labour force participation rate - LFPR*) pada tahun 2023 adalah 67.2 peratus, di mana kadar penyertaan bagi lelaki adalah lebih tinggi iaitu 75.8 peratus berbanding dengan perempuan sebanyak 57.3 peratus.
3. Kadar pengangguran bagi penduduk berumur 18 tahun dan ke atas adalah 5.1 peratus yang mana kadar pengangguran tertinggi adalah yang berumur 18 ke 24 tahun.
4. Dari jumlah penduduk berumur 18 tahun dan ke atas, sebanyak 32.8 peratus penduduk di luar tenaga kerja (*outside labour force*) yang tidak aktif untuk mencari pekerjaan dan tidak bersedia untuk bekerja disebabkan mempunyai tanggungjawab keluarga/isirumah, bersara dan sebagainya. Bagi peringkat umur pula, 39.6 peratus daripada jumlah penduduk di luar tenaga kerja adalah yang berumur 60 dan ke atas.
5. Laporan KTK 2023 dikeluarkan oleh Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES), Kementerian Kewangan dan Ekonomi iaitu dengan objektif utama untuk mengumpulkan maklumat terkini mengenai saiz, struktur, taburan dan ciri-ciri tenaga kerja, pekerjaan dan pengangguran yang akan digunakan dalam membantu perancangan, penyelidikan, penyediaan dasar dan pengurusan tenaga kerja.

6. Kajian ini telah meliputi kira-kira 3,200 buah keluarga terpilih di seluruh negara menggunakan kaedah pensampelan yang sistematik. Data yang diperolehi daripada keluarga tersebut telah disesuaikan melalui proses *extrapolation* and *calibration* bagi menghasilkan anggaran seluruh penduduk yang tinggal dalam isirumah biasa di Negara Brunei Darussalam.
7. JPES ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua keluarga yang terpilih di atas kerjasama yang diberikan sepanjang tempoh kajian.
8. Laporan KTK 2023 boleh diperolehi di laman sesawang JPES. Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini, bolehlah dirujuk ke JPES seperti berikut:

Telefon	:	7469844 (waktu pejabat)
E-mel	:	info.statistics@jpes.gov.bn
Laman sesawang	:	deps.mofe.gov.bn



**MEDIA RELEASE**  
**DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS**  
**MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY**

---

**Date: Jun 2024**

**5.1 PER CENT UNEMPLOYMENT RATE  
FOR AGED 18 YEARS AND ABOVE**

1. *The number of employed persons aged 18 years and over in the Labour Force Survey (LFS) 2023 was 216,000 persons and the majority were locals with 152,600 persons (70.6 per cent).*
2. *The labour force participation rate (LFPR) in 2023 was 67.2 per cent, with the rate for males (75.8 per cent) being higher than females (57.3 per cent) by 18.5 per cent.*
3. *The unemployment rate for persons aged 18 years and over was 5.1 per cent, of which the highest unemployment rate was those aged 18 to 24 years old.*
4. *Out of the population aged 18 years and over, 32.8 per cent were persons outside the labour force who were not actively looking for a job and are not ready to work because they had family/household responsibilities, pensioner and etc. By age group, 39.6 per cent out of the total persons in the outside labour force were aged 60 years and over.*
5. *The report of the LFS 2023 has been released by the Department of Economic Planning and Statistics (DEPS), Ministry of Finance and Economy with the main objective to collect the latest information on the size, structure, distribution and characteristics of the labour force, employment and unemployment, which will be used to assist in the planning, research, policy-making and management concerning the labour force.*

6. *The survey covered about 3,200 selected households throughout the country using a systematic sampling method. Data obtained from the selected households were extrapolated according to the sampling weights and then calibrated to represent the total population living in regular households in Brunei Darussalam.*
7. *JPES would like to take this opportunity to express our appreciation to the selected households in LFS 2023 for their cooperation throughout the survey period.*
8. *The report of the LFS 2023 is available on JPES's website. For any enquiries on this matter, please refer to JPES by contacting the lines or browsing through the website below:*

<i>Telephone</i>	<i>:</i>	<i>7469844 (working hours)</i>
<i>E-mail</i>	<i>:</i>	<i>info.statistics@jpes.gov.bn</i>
<i>Website</i>	<i>:</i>	<i>deps.mofe.gov.bn</i>